



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

JUMAAT, 22 SEPTEMBER 2023

LAPORAN HARIAN





UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

22/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	FATIMAH: MINISTRY TO SET UP HALFWAY TRANSIT SHELTERS FOR THOSE IN RECOVERY WITHOUT FAMILIES	
	https://www.theborneopost.com/2023/09/21/fatimah-ministry-to-set-up-halfway-transit-shelters-for-those-in-recovery-without-families/	THEBORNEOPOST.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
2	KOPERASI SEKOLAH DI PERAK MILIKI ASET BERNILAI RM40.91 JUTA	
	https://www.sinarharian.com.my/article/280236/edisi/perak/koperasi-sekolah-di-perak-miliki-aset-bernilai-rm4091-juta	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/09/21/258-perak-school-co-ops-recorded-total-revenue-of-over-rm26mil-in-2022-says-exco-rep	THESTAR.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	20 PUSAT SEHENTI RAWATAN KETAGIHAN DITUBUHKAN DI SARAWAK	
	https://suarasarawak.my/20-pusat-sehenti-rawatan-ketagihan-ditubuhkan-di-sarawak/	SUARASARAWAK.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	AKTIVITI EKSTREM MESRA KANAK-KANAK	
	https://www.kosmo.com.my/2023/09/21/aktiviti-ekstrem-mesra-kanak-kanak/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=aktiviti-ekstrem-mesra-kanak-kanak	KOSMO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

22/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
5	KANAK-KANAK BAWAH 16 TAHUN PALING RAMAI JADI MANGSA LIWAT	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/kanak-kanak-bawah-16-tahun-paling-ramai-jadi-mangsa-liwat/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	POLIS MIRI KESAN SAKSI KEMALANGAN LANGGAR LARI WARGA EMAS	
	https://suarasarawak.my/polis-miri-kesan-saksi-kemalangan-langgar-lari-warga-emas/	SUARASARAWAK.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	SARAWAK HAS LOWEST RATE OF DRUG ADDICTION RELAPSE IN MALAYSIA	
	https://www.newsarawaktribune.com.my/sarawak-has-lowest-rate-of-drug-addiction-relapse-in-malaysia/	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	NGO SOKONG WANITA BEKERJA DARI RUMAH	
	https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2023/09/1155430/ngo-sokong-wanita-bekerja-dari-rumah	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
9	LIMBANG DILANDA BANJIR, 189 PINDAH PPS	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1012067/limbang-dilanda-banjir-189-pindah-pps	HMETRO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

22/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
10	WANITA MENINGGAL DUNIA SELEPAS 20 JAM BERTARUNG NYAWA	
	https://www.kosmo.com.my/2023/09/21/wanita-meninggal-dunia-selepas-20-jam-bertarung-nyawa/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	MUALAF WANITA TIDAK DIBENAR MULAKAN SEMAKAN KEHAKIMAN	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/mualaf-wanita-tidak-dibenar-mulakan-semakan-kehakiman/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/09/1155411/wanita-gagal-batalkan-nama-daripada-daftar-mualaf	BHARIAN.COM.MY
	https://www.malaysiakini.com/news/680006	MALAYSIAKINI.COM
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-sarawak-gagal-dapat-kebenaran-mahkamah-batal-nama-sebagai-mualaf-438387	ASTROAWANI.COM
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1011898/wanita-gagal-permohonan-buang-nama-dalam-daftar-mualaf	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
12	POLIS SELAMATKAN WANITA ASING DICULIK ATAS URUSAN PERNIAGAAN	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/09/1155531/polis-selamatkan-wanita-asing-diculik-atas-urusan-perniagaan	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
13	WANITA MAUT, SUAMI PARAH MOTOSIKAL DILANGGAR KERETA	
	https://www.kosmo.com.my/2023/09/21/wanita-maut-suami-parah-motosikal-dilanggar-kereta/	KOSMO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

22/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
14	KANAK-KANAK DUA TAHUN LINTAS JALAN TIBA-TIBA, NYARIS DILANGGAR	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-dua-tahun-lintas-jalan-tibatiba-nyaris-dilanggar-438434	ASTROAWANI.COM
	https://www.utusan.com.my/nasional/tragedi/2023/09/kanak-kanak-meluru-ke-jalan-nyaris-maut-dirempuh-kereta/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/280210/berita/semasa/kanak-kanak-dua-tahun-lintas-jalan-tiba-tiba-nyaris-dilanggar	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1012006/nasib-baik-sempat-brek	HMETRO.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/09/21/video-ibu-tidak-sedar-anak-2-tahun-turun-kereta-lintas-jalan/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
15	PASANGAN SUAMI ISTERI ANIAYA KANAK-KANAK 6 TAHUN DIPENJARA DUA TAHUN	
	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2227568	BERNAMA.COM
	https://selangorkini.my/2023/09/pasangan-suami-isteri-aniaya-kanak-kanak-6-tahun-dijel-dua-tahun/	SELANGORKINI.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/09/21/pasangan-suami-isteri-aniaya-kanak-kanak-6-tahun-dipenjara-dua-tahun/	MALAYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
16	ADIK IPAR, ISTERI BUNUH SUAMI OKU DIHUKUM GANTUNG	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/adik-ipar-isteri-bunuh-suami-oku-dihukum-gantung/	UTUSAN.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/09/21/komplot-isteri-adik-bunuh-suami-oku-ke-tali-gantung/	MALAYSIAGAZETTE.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

22/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
17	PEMBANTUTAN KANAK-KANAK PERLU SOLUSI SEGERA	
	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/pembantutan-kanakkanak-perlu-solusi-segera-x8o7tki	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
18	SET UP SPECIAL DEPARTMENT FOR PERSONS WITH DISABILITIES, SENATOR URGES GOVT	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/09/21/set-up-special-department-for-persons-with-disabilities-senator-urges-govt	THESTAR.COM.MY
	https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/71355-hentikan-diskriminasi-oku-hak-asasi-perlu-dilindungi	BERITA.RTM.GOV.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
19	'AYAH MERAUNG KESAKITAN TAPI PEMANDU LORI BEREDAR'	
	https://www.hmetro.com.my/utama/2023/09/1011919/ayah-meraung-kesakitan-tapi-pemandu-lori-beredar	HMETRO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/09/1155492/tolong-aku-sakit-sangat-ni	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
20	GANGGUAN SEKSUAL: 13 INDIVIDU DIPANGGIL BANTU SIASATAN KES PENDAKWAH TERKENAL - BUKIT AMAN	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/gangguan-seksual-13-individu-dipanggil-bantu-siasatan-kes-pendakwah-terkenal-bukit-aman-438462	ASTROAWANI.COM
	https://www.malaysiakini.com/news/680073	MALAYSIAKINI.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

22/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
21	PADAH CETUSKAN HURU-HARA DI TEMPAT AWAM, WARGA EMAS DIDENDA	
	https://suarasarawak.my/padah-cetuskan-huru-hara-di-tempat-awam-warga-emas-didenda/	SUARASARAWAK.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
22	WARGA EMAS CEDERA DALAM INSIDEN LANGGAR LARI DI MIRI	
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/09/21/warga-emas-cedera-dalam-insiden-langgar-lari-di-miri	UTUSANBORNEO.CM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
23	KEBAKARAN MUSNAHKAN BANGUNAN TADIKA	
	https://www.buletintv3.my/nasional/kebakaran-musnahkan-bangunan-tadika/	BULETINTV3.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
24	DIA TARIK, CUBA BUAT SESUATU – NELISSA TRAUMA DIRABA DI SET PENGGAMBARAN	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/dia-tarik-cuba-buat-sesuatu-nelissa-trauma-diraba-di-set-penggambaran/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/09/21/menggigil-baca-skrip-nelissa-trauma-diraba/	KOSMO.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM


www.kpwkm.gov.my

f t @ kpwkm

22/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
25	PROGRAM ZIARAH PRIHATIN BANTU GOLONGAN MEMERLUKAN	
	https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/71358-program-ziarah-prihatin-bantu-golongan-memerlukan	BERITA.RTM.GOV.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
26	KES MONDY, EBIT LEW: 13 SAKSI DIPANGGIL BANTU SIASATAN	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1012019/kes-mondy-ebit-lew-13-saksi-dipanggil-bantu-siasatan	HMETRO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/09/1155549/13-saksi-dipanggil-kes-ebit-liew-mondy-tattoo-caprice	BHARIAN.COM.MY



TAJUK : BANTU IBU JUAL AISKRIM TIDAK HALANG AFIQ PEROLEH 5A SPM

HARI : JUMAAT

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 22 SEPT 2023

M/SURAT : 15

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Bantu ibu jual aiskrim tidak halang Afiq peroleh 5A SPM

Hasil bimbingan dan tips diterima melalui program Yayasan PETRONAS empower ECER Akademik

Endau: Kehilangan bapa akibat kanser usus tiga tahun lalu tidak mematahkan semangat Tuan Nafiezul Afiq Tuan Iskandar, 18, untuk berjaya dalam pelajaran.

Anak sulung daripada empat beradik ini atau lebih dikenali sebagai Afiq, mengambil keputusan untuk sama-sama memikul beban ibunya, Normala Ali, dengan membantu menjual aiskrim Malaysia sambil mengulang kaji pelajaran.

Usaha dan niat murni Afiq terbalas apabila memperoleh keputusan 5A dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang diumumkan baru-baru ini.

Pencapaian itu amat bermakna bagi dirinya yang hanya memperoleh keputusan 3A dan gagal dalam satu subjek ketika percubaan SPM sebelum ini.

Menceritakan cabaran yang dilalui sebelum menduduki peperiksaan SPM, Afiq berkata, sambil mengulang kaji pelajaran, dia akan bantu menyiapkan aiskrim untuk jualan sebelum menghantarnya ke kedai dan pusat jualan.

"Setiap hari, lebih kurang 200 batang aiskrim perlu disiapkan. Adik turut membantu, berikutan banyak tempahan diterima dan pelbagai perisa yang kami perlu sediakan," katanya.

Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Ungku Husin, Endau, Johor itu berkata, untuk menambah pendapatan seharian, ibunya juga tukang gunting rambut di rumah.

Katanya, kesungguhan ibu membesarkannya empat beradik menjadi inspirasi untuk belajar bersungguh-sungguh dan berjaya.

"Sejak kematian ayah, ibu terpaksa menguruskan kami adik-beradik seorang diri. Ibu mahu kami semua berjaya dalam pelajaran. Walaupun tidak berapa sihat, ibu tidak pernah mengalah dan putus asa," katanya.

Menurut Afiq, ibunya mempunyai masalah kesihatan usus sebelum ini, tetapi kini semakin

pulih selepas pembedahan.

Hasil keputusan SPM, Afiq, yang juga berbakat dalam bidang seni dan lukisan telah ditawarkan untuk melanjutkan pelajaran dalam jurusan Diploma Seni Reka Grafik di Universiti Teknologi MARA (UiTM), Melaka.

"Alhamdulillah saya berjaya memperoleh 5A dan berpeluang melanjutkan pelajaran ke menara gading. Saya bersyukur atas rezeki ini," katanya yang tidak menangka perubahan mendadak pencapaian SPM itu selepas mengikuti Program Yayasan PETRONAS empower ECER Akademik.

Teknik ulang kaji berkesan

Afiq berkata, sebelum ini agak sukar baginya untuk menumpukan perhatian dalam pembelajaran, terutama dalam mata pelajaran Matematik, namun semuanya berjaya diatasi.

"Melalui program tersebut, saya didedahkan dengan teknik mengulang kaji pelajaran secara berkesan, selain teknik menjawab soalan yang betul sebagai persiapan menghadapi SPM," katanya.

Harapan Afiq agar program Yayasan PETRONAS empower ECER Akademik ini dapat diteruskan dan membantu ramai lagi pelajar di kawasan luar bandar sepertinya.

"Saya amat berterima kasih

Saya amat berterima kasih kerana terpilih untuk menyertai program ini dan seterusnya berjaya memanfaatkannya sebaiknya. Semoga program sebegini terus memberi motivasi dan semangat kepada pelajar luar bandar seperti saya, untuk mengejar cita-cita dan menghadapi cabaran hidup"

Tuan Nafiezul Afiq Tuan Iskandar, Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Ungku Husin, Endau, Johor

kerana terpilih untuk menyertai program ini dan seterusnya berjaya memanfaatkannya sebaiknya.

"Semoga program sebegini terus memberi motivasi dan semangat kepada pelajar luar bandar seperti saya untuk mengejar cita-cita dan menghadapi caba-




Afiq bersama ibunya ketika ditemui selepas perasmian Karnival Jom Sambung Belajar di Politeknik Mersing, Johor.

ran hidup," katanya. Program Yayasan PETRONAS empower ECER Akademik adalah program akademik dengan objektif untuk menambah baik murid berprestasi rendah yang akan menduduki peperiksaan SPM melalui peningkatan prestasi akademik dan pamba-

ngunan peribadi untuk menempatkan ke institusi pengajian tinggi, pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) atau peluang keusahawanan.

Program ini juga menggunakan pendekatan serampang tiga mata yang melibatkan murid, ibu bapa dan guru.



Afiq sedang mengulang kaji pelajaran di rumah sebelum menduduki peperiksaan SPM.



Afiq membantu ibunya menyediakan aiskrim Malaysia untuk jualan.



TAJUK : BAPA KANDUNG, IBU TIRI DIPENJARA 2 TAHUN KES DERA BUDAK

HARI : JUMAAT

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 22 SEPT 2023

M/SURAT : 18

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Bapa kandung, ibu tiri dipenjara 2 tahun kes dera budak

Kuala Pilah: Mahkamah Sesyen di sini, semalam, menjatuhkan hukuman penjara dua tahun terhadap bapa kandung dan ibu tiri yang mengaku salah mendera anak mereka berusia enam tahun hingga cedera.

Hakim Norma Ismail menjatuhkan hukuman itu terhadap Muhammad Aizat Zolkepli, 27, dan Siti Norshakina Mohd Noor, 31, selepas kedua-dua mereka mengaku salah

sebaik pertuduhan dibacakan.

Hukuman penjara itu bermula dari tarikh tangkap ke atas pasangan suami isteri itu, selain kedua-dua mereka dikenakan bon berkelakuan baik tanpa cagaran selama dua tahun setiap seorang dan menjalani hukuman khidmat masyarakat selama 80 jam setiap seorang.

Mengikut pertuduhan, kedua-dua tertuduh secara bersama

didapati menganiaya dengan mendera kanak-kanak berusia enam tahun sehingga mengalami kecederaan di seluruh badan.

Perbuatan itu dilakukan di sebuah rumah di Rumah Rakyat Jambu Lapan, Bahau mulai Mac hingga 12 September lalu.

Susulan itu, kedua-dua tertuduh melakukan kesalahan mengikut Seksyen 31 (1) (a) Akta Kanak-Kanak 2001 dan dibaca bersama Sek-

syen 34 Kanun Keseksaan yang sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi 20 tahun atau kedua-duanya.

Lelaki terbabit dalam rayuan mengakui kesilapan dilakukan dan memohon hukuman diringankan, berikutan mempunyai tiga anak yang masih kecil.

Isterinya yang juga ibu tiri mangsa turut mengemukakan rayuan

sama dan sudah menginsafi kesalahan dilakukan.

Bagaimanapun, pendakwaan kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Peh Fong Xi memohon mahkamah memberi hukuman berat dengan mengambil kira kecederaan dialami kanak-kanak itu yang sepatutnya dijaga dengan baik.

Kedua-dua tertuduh tidak diwakili peguam.



TAJUK : NILAI KEKELUARGAAN, KEJIRANAN DI MALAYSIA MASIH LAGI TINGGI

HARI : JUMAAT

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 22 SEPT 2023

M/SURAT : 06

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Nilai kekeluargaan, kejiwaan di Malaysia masih lagi tinggi

Kuala Lumpur: Nilai kekeluargaan dan kejiwaan di negara ini masih tinggi berikutan statistik menunjukkan 81.9 peratus penduduk makan bersama keluarga ketika makan malam, manakala 93.5 peratus penduduk berinteraksi bersemuka dengan jiran dalam tempoh sebulan.

Ia berdasarkan penemuan dalam Penerbitan Banci Malaysia 2020: Kesejahteraan Penduduk (Hubungan Sosial) yang diterbitkan kali pertama berdasarkan dapatan daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020).

Penerbitan bagi Hubungan Sosial adalah jilid kedua siri penerbitan Kesejahteraan Penduduk selepas Kecergasan yang dikeluarkan Jun lalu, memaparkan statistik penduduk berusia 15 tahun ke atas dalam empat segmen, iaitu pengguna akaun media sosial, akses kepada internet, makan bersama dalam masa seminggu dan interaksi bersemuka dengan jiran dalam tempoh sebulan.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata berdasarkan respon 13.3 juta penduduk (53.9 peratus daripada 24.7 juta penduduk berusia 15 tahun ke atas), seramai 10.9 juta orang (81.9 peratus) makan bersama sebagai sebuah keluarga atau dengan ahli isi rumah dalam tempoh seminggu ketika makan malam.

“Seramai dua pertiga (73.4 peratus) bersarapan dan 67.4 peratus makan tengah hari bersama.

“Peratusan responden makan bersama lebih rendah ketika minum petang (19.4 peratus), kudapan (15.3 peratus) dan makan lewat malam (5.9 peratus)

dalam seminggu.


“Dari segi kekerapan, lebih 50 peratus responden makan bersama lima hingga tujuh kali seminggu semasa sarapan pagi (60.3 peratus), makan tengah hari (57.1 peratus) dan makan malam (75.9 peratus),” katanya dalam kenyataan, semalam.

Mohd Uzir berkata, Sarawak mencatatkan peratusan tertinggi bagi makan bersama lima hingga tujuh kali seminggu untuk sarapan pagi, iaitu sebanyak 76.4 peratus, makan tengah hari (72 peratus) dan kedua tertinggi untuk makan malam (86 peratus), manakala Putrajaya paling kurang makan bersama satu hingga dua kali seminggu semasa sarapan pagi (45.3 peratus), makan tengah hari (52 peratus) dan makan malam (18.8 peratus).

“Secara umum, lebih ramai wanita makan bersama ketika makan malam (5.5 juta orang), sarapan pagi (4.9 juta orang), makan tengah hari (4.6 juta orang), kudapan (1.1 juta orang) dan minum petang (1.4 juta orang).

“Lelaki sebaliknya, lebih ramai makan bersama semasa makan lewat malam (398,234 orang) dan makan malam bersama menjadi rutin paling popular dalam kalangan individu dari semua peringkat umur dan kumpulan etnik,” katanya.

Dari segi interaksi dengan jiran, berdasarkan maklum balas daripada 14.8 juta (59.9 peratus) penduduk, 13.8 juta responden (93.5 peratus) terbabit dalam interaksi bersemuka dengan jiran dalam tempoh sebulan, manakala 958,808 orang (6.5 peratus) tidak pernah mempunyai interaksi bersemuka.



TAJUK : PROGRAM TVET PERKASA WANITA DALAM ERA DIGITAL

HARI : JUMAAT

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 22 SEPT 2023

M/SURAT : 13

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Program TVET perkasa wanita dalam era digital

Yusliza
Jamalut,
Universiti
Multimedia,
Cyberjaya

Sejak dahulu, wanita diketahui menjadi nadi ekonomi negara. Namun, data menunjukkan adanya ketidakseimbangan peluang antara wanita dan lelaki dalam bidang teknologi dan pendidikan.

Pembabitan wanita dalam industri kejuruteraan, sains dan teknologi hanya 28 peratus berbanding lelaki, jurang ini perlu diperbaiki bagi membolehkan mereka lebih bersaing dalam mengembangkan kerjaya.

Dalam hal ini, inisiatif seperti dalam pendidikan dan latihan teknikal juga vokasional (TVET) memainkan peranan penting untuk merapatkan jurang itu.

Majlis TVET Kebangsaan, yang bermatlamatkan untuk meningkatkan tenaga kerja berkemahiran tinggi ke tahap 35 peratus menjelang 2030, adalah langkah progresif dalam memperkasakan sumber manusia supaya tetap berdaya saing pada persada antarabangsa.

Program TVET memberikan peluang yang berharga kepada wanita untuk memperoleh kemahiran dalam internet benda (internet of things atau IoT). Ini bukan sahaja menawarkan peluang pekerjaan yang lebih baik, tetapi juga meningkatkan status sosial dan ekonomi mereka di dalam masyarakat.

“Pembabitan wanita dalam industri kejuruteraan, sains dan teknologi hanya 28 peratus berbanding lelaki”

Baru-baru ini, kerajaan melancarkan inisiatif TVET JELITA, iaitu modul latihan asas mengenai IoT, yang merangkumi aspek seperti penggunaan sensor, aplikasi dan kelebihan teknologi ini.

Pendedahan guna peralatan IoT

Penganjuran bengkel praktikal memberi pendedahan kepada wanita mengenai bagaimana untuk menggunakan peralatan IoT dengan efektif dan pengurusan data menerusi pengkomputeran awan. Kerjasama antara institusi pendidikan, pihak swasta bersama kerajaan adalah inisiatif yang tepat bagi memastikan wanita mendapatkan manfaat maksimum daripada inisiatif ini.

Kesimpulannya, memperkasakan wanita melalui TVET adalah langkah penting bukan sahaja untuk meningkatkan kemahiran mereka, tetapi juga untuk memastikan pembangunan negara kita yang inklusif dan berterusan selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030.



TAJUK : RANGKA SISTEM PERSARAAN HOLISTIK LINDUNGI KEBAJIKAN WARGA EMAS

HARI : JUMAAT

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 22 SEPT 2023

M/SURAT : 11

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Rangka sistem persaraan holistik lindungi kebajikan warga emas



Oleh Farah Shazwani Mohd Taib
bhrencana@bh.com.my

Negara kini berdepan dengan populasi yang semakin menua, namun segelintir warga emas ini tiada punca pendapatan stabil. Keadaan ini semakin mengusarkan kerana warga emas memerlukan simpanan agak tinggi bagi menampung kos kesihatan, ditambah dengan kos sara hidup semakin meningkat.

Berdasarkan data Jabatan Perangkaan, Malaysia bakal mencapai status negara tua menjelang 2030 dengan 15.3 peratus penduduknya warga emas berusia 60 tahun dan ke atas memiliki jangka hayat semakin panjang.

Warga emas adalah golongan memerlukan bantuan dan penjagaan khusus terutama dari segi kesihatan dan emosi lebih-lebih lagi kebanyakannya tidak lagi bekerja dan mengharapkan pencen, simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), simpanan persendirian dan pelbagai pendapatan pasif sebagai sumber kewangan mereka.

Dijangkakan menjelang 2030, peruntukan kerajaan bagi pencen termasuk veteran tentera bakal melonjak kepada RM46.6 bilion berbanding RM28 bilion pada 2019.

KWSP pada 1 Januari 2019 mengumumkan sasaran simpanan minimum ahli adalah RM240,000 apabila mencecah umur 55 tahun. Bagaimanapun, berdasarkan data KWSP, sebanyak 71 peratus ahli

yang aktif berumur 55 tahun dan ke bawah tidak mempunyai dana mencukupi untuk bersara.

Kerajaan turut menyediakan peruntukan agak tinggi bagi tujuan pemberian pencen kepada pesara kerajaan selain menyediakan pelbagai kemudahan kesihatan, kepakaran dan bantuan dari segi kewangan bagi kemudahan warga emas.

Jika dilihat situasi pasca pandemik ini, ekonomi rakyat masih berada pada tahap sukar. Ini boleh dilihat berdasarkan tuntutan berterusan daripada rakyat bagi memohon pengeluaran KWSP sehingga kini berjumlah RM145 bilion.

6.7 juta ahli ada simpanan kurang RM10,000

Pengeluaran KWSP ini menyebabkan lebih separuh daripada pencarum KWSP iaitu 6.7 juta ahli mempunyai simpanan kurang daripada RM10,000. Median simpanan KWSP juga berkurang lebih 50 peratus sebelum pandemik COVID-19.

Pada masa ini juga, rakyat turut mengalami kekurangan wang simpanan akibat kos sara hidup tinggi, pengurusan kewangan lemah serta tanggungan keluarga tinggi pada usia hampir atau selepas persaraan.

Ini memberi kesan kepada pengurusan persaraan mereka kerana golongan ini memerlukan perbelanjaan lebih bagi menyara keluarga.

Pelaksanaan kenaikan kadar pencen pesara sebanyak dua peratus setiap tahun mulai 1 Januari 2013 juga terbatal berikutan keputusan Mahkamah Persekutuan memutuskan peruntukan berkenaan bercanggah dengan Perkara 147 Perlembagaan.

Memandangkan implikasi serius kepada kewangan negara pada masa hadapan berkenaan peruntukan pencen, kerajaan sedang membuat kajian berkenaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam, bertujuan menambah baik pemberian saraan dan pencen mengikut keadaan semasa negara, termasuk melihat kaedah terbaik daripada negara lain.


Pelbagai kaedah diguna pakai negara luar ini dalam menguruskan dana persaraan penjawat awamnya, termasuk menyediakan pelbagai kemudahan kepada populasi warga emas mereka.

Sebagai contoh di Jepun, pemberian wang daripada Skim Pencen Nasional adalah sama kepada semua pesara kerajaan tanpa mengira pendapatan akhir mereka ketika bekerja. Amerika Syarikat (AS) pula menggunakan kaedah pemberian wang Keselamatan Sosial secara bulanan kepada semua warga emasnya.

Dalam hal ini, pelbagai usaha dan inisiatif sedang diambil secara proaktif berkenaan isu simpanan hari tua oleh kerajaan dan badan berkaitan bagi memastikan warga emas dapat bersara dengan selesa.

Maka, kesedaran rakyat juga penting untuk turut menyimpan ketika mampu dan tidak hanya bergantung kepada sumber pencen dan KWSP.

Apa yang penting, rakyat perlu lebih cakna kesan jangka masa panjang sekiranya tiada perancangan hari tua dan kepentingan menyediakan simpanan persendirian, tidak kira melalui pelbagai medium pelaburan dijamin kerajaan atau mempunyai aset boleh menjana pendapatan.



TAJUK : BAPA, IBU TIRI DERA ANAK DIJEL 2 TAHUN

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 22 SEPT 2023

M/SURAT : 20

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Bapa, ibu tiri dera anak dijel 2 tahun

Kuala Pilah: Bapa kandung dan ibu tiri yang disyaki mendera anak mereka berusia enam tahun dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini semalam.

Tertuduh Muhammad Aizat Zolkepli, 27, dan Siti Norshakina Mohd Noor, 31, mengaku salah sebaik pertuduhan dibaca di hadapan Hakim Norma Ismail.

Mahkamah menjatuhkan hukuman dua tahun penjara dari tarikh tangkap ke atas pasangan suami isteri itu selain kedua-dua tertuduh dikenakan bon berkelakuan baik tanpa cagaran selama dua tahun setiap seorang dan menjalani hukuman khidmat masyarakat selama 80 jam setiap seorang.

Mengikut pertuduhan,



PASANGAN suami isteri dibawa ke Mahkamah Sesyen Kuala Pilah atas pertuduhan mendera anak. - Gambar NSTP/ABNOR HAMIZAM ABD MANAP

kedua-dua tertuduh secara bersama didapati menganiaya dengan mendera kanak-kanak berusia enam tahun sehingga cedera seluruh badan.

Perbuatan itu dilakukan di sebuah rumah di Rumah Rakyat Jambu Lapan, Bahau mulai Mac 2023 hingga 12 September lalu. Oleh yang demikian ke-

dua-dua tertuduh melakukan kesalahan mengikut Seksyen 31 (1) (a) Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) dan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksamaan yang boleh dihukum mengikut seksyen sama.

Hukuman dikenakan adalah denda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi 20 tahun atau kedua-duanya.

Bapa mangsa, tertuduh dalam rayuan mengakui kesilapan dilakukan dan memohon hukuman diringankan berikutan ada tiga anak kecil.

Ibu tiri tertuduh turut mengemukakan rayuan sama dan menginsafi kesalahan dilakukan.

Kedua-dua tertuduh tidak diwakili peguam.



TAJUK : BUNTU FIKIR NASIB 13 ANAK

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 22 SEPT 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM



MARZUKI menerima kunjungan Mas Imran (dua dari kiri) yang memberikan sumbangan di Permas Jaya, Johor Bahru.



MARZUKI bersama Asiah dan anak mereka yang masih kecil.

Oleh Mary Victoria
Dass
am@hmetro.com.my

Buntu fikir nasib 13 anak

Johor Bahru

“Sebelum ini saya lakukan dua pekerjaan serentak bagi menyara anak yang ramai. Saya menjadi pemandu peribadi dan tukang rumah untuk mendapatkan wang,” ujar bapa kepada 13 cahaya mata, Marzuki Mat Noh, 52.

Menurutnya, pendapatan diperolehi digunakan untuk membayar sewa rumah, membeli makan selain memastikan kesemua anaknya bersekolah.

Katanya, dia bagaimanapun disahkan menghidap radang hati, bengkok usus serta ketumbuhan di limpa

Lelaki hilang pendapatan selepas hidap radang hati, bengkok usus, ketumbuhan

pada Mac lalu. “Pada awalnya saya hanya mengalami sakit kepala dan kemudian mula hilang selera makan.

“Sejak November tahun lalu, berat badan saya juga semakin merosot dan saya menerima rawatan di Hospital Sultanah Aminah (HSA),” katanya.

Marzuki berkata, dia juga kehilangan sumber pendapatan bulanan RM2,000 apabila terpaksa berhenti kerja.

“Sudah lama saya tidak dapat menjamah nasi dan

hanya minum susu serta memakan bubur nasi. Buat masa ini, saya hanya dibekalkan ubat dan diminta melakukan rawatan susulan di hospital,” katanya.

Marzuki berkata, dia bimbang memikirkan masa depan cahaya matanya yang masih bersekolah iaitu Mohd Firash, sembilan tahun, Noor Afiqah, 10, Mohd Igraam, 13, Mohd Irsyaduddin, 15 selain anak bongsunya, Sumayah, lima tahun yang masih belum didaftarkan pra sekolah.

Menurutnya, anak-anaknya lain sudah mula bekerja dan sedikit sebanyak membantu meringankan beban keluarga sekadar termampu.

“Mereka bekerja sebagai pekerja kilang, pembantu kantin, pembantu tahfiz, bekerja di restoran makanan segera, pembantu di pasar tani, menjadi pemandu e-hailing serta bekerja di stesen minyak.

“Tiga daripada mereka juga terpaksa menanggung kos sewa bilik di luar kerana rumah sewa kami ini

hanya memiliki dua bilik tidur dan agak sempit terutama ruangan untuk tidur,” katanya.


Marzuki berkata, dia sekeluarga hanya bergantung bantuan sewa rumah bulanan sejumlah RM400 daripada Majlis Agama Islam Johor (MAIJ).

Sementara itu, isteri Marzuki, Asiah Abu Naim, 48, berkata, mereka bercadang memohon Projek Perumahan Rakyat (PPR) sekiranya berpeluang demi meringankan beban keluarga.

Sementara itu keluarga

berkenaan menerima sumbangan barangan dapur bernilai RM1,000 disampaiakan oleh Pengurus Besar Pasaraya Econsave Cash and Carry, Mas Imran Adam dan kunjungan Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Bandar Baru Permas Jaya A, Syed Saliliah Assad Syed Mashor dan Ketua Kampung Senibong, Abd Rahim Moen.

Orang ramai boleh menghulurkan sumbangan menerusi akaun Bank Simpanan Nasional (BSN) 011484100026750.



TAJUK : DUA TAK MENGAKU ROGOL REMAJA DALAM KERETA

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 22 SEPT 2023

M/SURAT : 03

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Melaka: Pemuda dan remaja etnik Rohingya didakwa dalam prosiding berasingan di Mahkamah Sesyen dan Majistret Ayer Keroh, semalam, atas pertuduhan jenayah seksual termasuk rogol dan seks luar tabii terhadap pelajar sekolah di dalam sebuah kereta, minggu lalu.

Tertuduh, Mohamad Osman Boshor, 27, dan pelajar sekolah swasta berusia 14 tahun itu bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan terhadap pertuduhan masing-masing di hadapan Hakim Mohd Sabri Ismail dan Majistret Sharda Shienha Mohd Suleiman.

Mengikut dua pertuduhan, Mohamad Osman di-

Dua tak mengaku rogol remaja dalam kereta


dakwa merogol serta melakukan serangan seksual terhadap perempuan berusia 15 tahun tujuh bulan.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di dalam kereta Proton Preve di kawasan lapangan Pantai Klebang, dekat sini, pada 14 September lalu, kira-kira jam 5.30 petang.

Bagi tuduhan rogol tertuduh yang sudah berkahwin dan mempunyai seorang anak didakwa mengikut Seksyen 376 (2) Kanun Keseksaan, jika disabitkan boleh dihukum penjara minimum 10 tahun dan maksimum 30 tahun dan sebat.

Pertuduhan kedua dikemukakan mengikut Seksyen 377CA Kanun Keseksaan, sabit kesalahan boleh dipenjarakan tidak kurang lima tahun dan maksimum 30 tahun dan sebat.

Sementara itu, di Mahkamah Majistret 4 yang bersidang sebagai Mahkamah Juvana, tertuduh berusia 14 tahun itu turut mengaku tidak bersalah atas dua pertuduhan iaitu melakukan amang seksual fizikal serta persetubuhan luar tabii terhadap mangsa sama pada tarikh, masa dan di tempat sama.



TAJUK : PAKAI SUSUK TAK MAHU SUAMI BERPALING KEPADA WANITA LAIN

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 22 SEPT 2023

M/SURAT : 02

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Pakai susuk tak mahu suami berpaling kepada wanita lain

Kuala Lumpur: Biarpun dunia semakin moden dengan kecanggihan teknologi, terdapat segelintir masyarakat masih percaya dengan 'kehebatan' pemakaian susuk.

Bagi pengamalnya, susuk mampu memenuhi kemahuan dan kepentingan peribadi biarpun ada antara mereka terutama individu beragama Islam sedar bahawa perbuatan

itu adalah syirik.

Bekas pemakai susuk yang mahu dikenali sebagai Ana, 55, berkata, dia sendiri sanggup memakai susuk bagi mengikat kasih sayang suaminya supaya tidak berpaling kepada wanita lain.

"Saya pakai susuk dari seorang bomoh ketika usia muda selepas diperkenalkan rakan.

"Memanglah hubungan

saya dan suami elok sampai sekarang, tetapi kesan daripada susuk menyebabkan saya mengalami masalah kesihatan termasuk jangkitan dan tekanan emosi.

"Hati saya tidak tenang kerana kerap memikirkan dosa

“
Saya pakai susuk dari seorang bomoh ketika usia muda
Ana

lampau hingga membuatkan saya berjumpa ustaz untuk membuang susuk," katanya yang memakai susuk pada pipi dan alat sulitnya.

Katanya, sejak itu dia mula bertaubat dan banyak mendekati diri de-

ngan Allah SWT.

"Saya anggap diuji dengan masalah kesihatan sebagai satu hikmah yang membuatkan saya sedar bahawa Allah masih sayang.


"Dulu mungkin saya tak tahu apa itu dosa pahala, tetapi kini saya sedar perbuatan saya itu salah dan saya menyesal," katanya.

Seorang lagi pengamal susuk, Gopal, 38, berkata,

dia memakai susuk untuk tenaga yang kuat dan melindungi diri daripada bala.

"Saya percaya dengan ambil susuk kita boleh jadi kuat dan melindungi diri saya daripada terbabit kemalangan dan malapetaka.

"Saya mula terjebak untuk pakai susuk selepas terikut dengan ajakan kawan-kawan," katanya.



TAJUK : RAUNGAN SAKIT TANGAN HANCUR DIGILIS LORI

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 22 SEPT 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Raungan sakit tangan hancur digilis lori

Batu Pahat: "Aduh. aduh...tolong aku...sakit sangat ni!" itu antara jeritan seorang lelaki warga emas sejeurus tangan kanannya digilis lori dalam kemalangan di jalan Tongkang Pechah, berdekatan Klinik Kesihatan di sini, kelmarin.

Kemalangan berlaku sekitar jam 9 pagi itu menyebabkan tangan Ismail Selamat, 69, gagal diselamatkan dan terpaksa dipotong akibat hancur digilir lori.

Menceritakan kejadian itu, anak mangsa, Mohd Zakie Ismail, 40, berkata, sebelum kejadian bapanya

menunggang motosikal dari rumah di Parit Bilal, di sini, untuk membeli barang dapur di sebuah pasar raya.

"Saya menerima panggilan ahli keluarga memaklumkan ayah terbabat kemalangan sebelum bergegas pulang dari Kulai ke Batu Pahat.

"Ketika dalam perjalanan, saya dimaklumkan ayah digilis lori hingga menyebabkan topi keledarnya pecah. Namun saya tergamam apabila doktor memberitahu tangan ayah tidak boleh diselamatkan berikutan saraf dan tulangnya hancur," katanya.

Menurut Mohd Zakie lagi, ayahnya masih dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) selepas menjalani pembedahan memotong tangan bermula jam 7 malam hingga 1 pagi semalam.

Katanya, ayahnya masih dalam pemantauan pasukan perubatan kerana bimbang berlaku komplikasi lain selepas pembedahan memotong tangan selama enam jam.

"Pembedahan mengambil masa agak lama kerana ayah banyak kehilangan darah. Masa nak turun tandatangan kebenaran pembedahan, saya tak

sampai hati. Namun demi menyelamatkan nyawa ayah, kami terpaksa.

"Semua jari kanannya hancur namun ayah bernasib baik apabila ada seorang anggota bomba memberi bantuan menghantarnya ke hospital.

"Saya bimbang kerana ayah menghidap penyakit buah pinggang dan pembedahan itu boleh menjejaskan kesihatannya," katanya.

Mohd Zakie berkata, dia sekeluarga terkilan dengan sikap pemandu lori itu yang membiarkan bapanya meraung kesakitan tanpa memberi bantuan.



ORANG ramai menghulurkan bantuan kepada Ismail selepas tangannya hancur digilis lori Batu Pahat.



TAJUK :	MARRIED COUPLE GETS TWO YEARS' JAIL FOR ABUSING SIX-YEAR-OLD BOY		
HARI :	JUMAAT	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	22 SEPT 2023	M/SURAT :	06
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Married couple gets two years' jail for abusing six-year-old boy

KUALA PILAH: A man and his wife were sentenced to two years' in jail by the Sessions Court here yesterday after they pleaded guilty to abusing a six-year-old boy.

Judge Norma Ismail also ordered the victim's 27-year-old father and his stepmother, 31, to be placed on a two-year good behaviour bond and serve 80 hours of community service each.

The couple was charged with abusing and neglecting the boy to the extent of causing physical injuries at a house in Bahau, Jempol between March and Sept 12.

The charge, under Section 31(1)(a) of the Child Act 2001, read together with Section 34 of the Penal Code, carries a maximum fine of RM50,000 or jail up to 20 years, or both, upon conviction.


Deputy public prosecutor Peh Fong Xi appeared for the prosecution, while the couple was unrepresented.

Earlier, Peh urged the court to impose a deterrent sentence on the couple to serve as a lesson to others, while saying that as parents, they should have protected the child and not abused him.

"This is a serious offence, as the boy sustained injuries all over his body," he said.

In pleading for leniency, the boy's father said they have three other children to care for.

"...I apologise, I admit that I'm guilty. (I was supposed to be) a good husband and father," he said. — Bernama



TAJUK :	MINISTRY TO SET UP HALFWAY TRANSIT SHELTERS FOR THOSE IN RECOVERY WITHOUT FAMILIES, SAYS FATIMAH		
HARI :	JUMAAT	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	22 SEPT 2023	M/SURAT :	03
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Ministry to set up halfway transit shelters for those in recovery without families, says Fatimah

KUCHING: The Ministry of Women, Childhood and Community Wellbeing Development will establish halfway transit shelters for recovering persons without families, who are released from correctional and mental healthcare institutions in Sarawak next year, said Minister Dato Sri Fatimah Abdullah.

She said this is one of the Sarawak government's efforts to fight drugs and substance issues in the state.

She pointed out that as of 2022, there are also 20 one-stop centres for addiction (OSCA) at government clinics under the Sarawak Health Department covering all 12 administrative divisions in the state; and two recovery community development and intervention centres established under the One Stop Committees (OSCs).

"We also have a Community Social Support Centre in Kuching, serving as a social transformation centre, to provide intervention and referrals for groups affected by social issues, including substance use problems.

"To provide integrated interventions across agencies and non-governmental organisations, uniform integrated social issue case management instruments are being used," she said at the Phoenix Awards Gala Night, which was held in conjunction with the International Recovery Symposium (IRS) 2023, here Wednesday.

She also said that starting this year, the ministry is also providing support to the recovery community with low-income family empowerment (LIFE) grants for skilling or upskilling training, and assistance for income generating activities.

Fatimah said collective actions through the OSC for Tackling Drug and Substance Issues have been moving in the right direction on Drug Demand Reduction (DDR).

"This has resulted in Sarawak recording the lowest percentage of recidivism in Malaysia at 0.88 per cent and an incarceration rate of 95 prisoners per 100,000 of the population, based on the 2022 statistics from the Malaysia Prisons Department.

"With wider access to treatment and recovery care in the community, the ratio of help-seeking among groups affected by substance use has improved from 1:10 in 2018 to 1:6 in July 2022.

"This is a remarkable achievement for the OSCs to celebrate as this ratio is better than the international average reported by the United Nations Office for Drug and Crime (UNODC)," she said.

She added the ministry will continue to collaborate with relevant stakeholders and strategic partners from around the world, in implementing integrated drug prevention, treatment, rehabilitation, and enforcement programmes to ensure that the whole chain of issues related to drug and substance abuse in Sarawak is addressed holistically and effectively.

On IRS, Fatimah said the inaugural symposium marked another milestone in the ministry's journey to deal with drug and substances issues in Sarawak.

"A total of 986 participants attended the symposium from 22 countries from around the world including Albania, Bangladesh, Brunei, India, Indonesia, Italy, Jordan, Kenya, Malaysia, Maldives, New Zealand, Nigeria, Pakistan,


Philippines, Saudi Arabia, Singapore, Sri Lanka, Sudan, Taiwan, Thailand, United Kingdom, and United States of America.

"Indeed, we feel inspired, motivated, and committed to address Prevention, Treatment, and DDR knowing that we have friends from 22 countries worldwide, who are equally committed to address this issue. It is good to know that we are not alone," she said.

The Phoenix Awards Gala Night, which was officiated at by Deputy Premier Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan, saw the presentation of awards that recognised outstanding contributions and achievements by individuals and organisations in DDR and personal recovery as well as the Sarawak DDR Awards for outstanding District DDR Champion among the district level OSC MIDS, and outstanding Community DDR Champion among the community leaders' MIDS bureau.

There were also launches of the national chapter of the International Society of Substance Use Professionals (ISSUP) as well as Asia Recovery Network (ARN), a platform for professionals, associations, and organisations to network and collaborate to provide addiction treatment, recovery, and rehabilitation support services.

Among those present were Minister in the Premier of Sarawak's Department Datuk John Sikie Tayai, as well as Women, Childhood and Community Wellbeing Development Deputy Ministers Datuk Rosey Yunus and Mohamad Razi Sitam.



TAJUK : OPERATION RESCUES 25 HOMELESS INDIVIDUALS FROM THE STREETS

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 22 SEPT 2023

M/SURAT : 05

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



Personnel involved in the operation speak to a homeless individual. — Photo courtesy of SibU Welfare Office

Operation rescues 25 homeless individuals from the streets

SIBU: Twenty-five homeless individuals were rescued from the streets here during an operation on Wednesday night.

About 160 personnel from 15 various government agencies and non-governmental organisations (NGOs) were involved in the operation to comb the streets across the town area for homeless individuals.

They included personnel from National Registration Department (NRD), SibU Hospital, police, Civil Defence Force, SibU Rural District Council, Sarawak Islamic Religious Department, National Anti-Drug Agency, SibU Municipal Council, District Office, Divisional Health Office, Immigration Department, SibU Temporary Transit Centre (TTG) volunteers, Resident's Office, and Welfare Office.

A briefing was held at 8.30pm for all personnel involved in the operation at TTG SibU, prior to

the start of the exercise.


Speaking to reporters prior to the operation, spokesman Awang Mohammed Nizam Awang Ali Bohan representing the SibU Resident explained that the key objective of the operation was to rescue the homeless from the streets.

"These individuals will later be brought to TTG SibU, where they will undergo screening before being housed in this facility. And those with mental health issues will be referred to the Ministry of Health for further action.

"This programme is to identify the homeless and rescue them from the streets, in addition to updating the data bank for admittance to TTG SibU," Awang Mohammed informed.

He added that the annual programme is carried out twice a year.

Also present was SibU Welfare Department development officer Hazwani Ismail.



TAJUK : PILLION RIDER KILLED AFTER CAR REARENDS MOTORCYCLE AT JALAN KUCHING-SRI AMAN

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 22 SEPT 2023

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Pillion rider killed after car rearends motorcycle at Jalan Kuching-Sri Aman

KUCHING: A woman pillion rider died after a car rearended the motorcycle she was travelling on at KM63 Jalan Kuching-Sri Aman yesterday morning.

Serian police chief DSP Aswandy Anis said the 58-year-old deceased suffered from a broken neck and arms, and was pronounced dead at the scene by paramedics from Serian Hospital.

"Riding the motorcycle was the deceased's husband, a 72-year-old, who suffered injuries to his head and a broken left arm," he said in a statement, adding the man is now receiving medical treatment at Serian Hospital.

The couple, from Kampung Ranchan, Serian were heading towards Serian town when the accident happened around 6.45am.

Aswandy said early investigations revealed that the husband had allegedly changed from the left to the right lane abruptly.

The car which struck the



A police photo shows the scene of the crash.

couple was driven by a 31-year-old man, who did not suffer from any physical injuries.

The case is being investigated under Section 41(1) of the Road Transport Act 1987.



TAJUK : S'WAK WOMAN FAILS TO GET LEAVE TO REVOKE NAME AS MUSLIM CONVERT

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 22 SEPT 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

S'wak woman fails to get leave to revoke name as Muslim convert

KUALA LUMPUR: A woman from Sarawak yesterday failed to obtain leave from the High Court here to initiate a judicial review to compel the Federal Territory Registrar of Converts to remove her name from the Register of Converts.

Federal counsel Mohammad Sallehuddin Md Ali said the decision was made by Judge Datuk Ahmad Kamal Md Shahid in allowing a preliminary objection by the Attorney-General's Chambers (AGC) to the application filed by the 26-year-old woman.

"The court dismissed the application on the grounds that the matter was not subject to judicial review based on

Article 121(1A) of the Federal Constitution.

"Only the Syariah Court has jurisdiction to hear the application. The court dismisses the woman's application with costs of RM3,000," said Mohammad Sallehuddin when contacted after the case proceedings which were conducted online.

Lawyer Iqbal Harith Liang, representing the woman, also joined in the online proceeding.

The woman filed the leave application on April 20, naming the Federal Territory Registrar of Converts, the Federal Territory Islamic Religious Council and the Malaysian Government as respondents.

The woman, who was born on July 9, 1997 to a Christian mother and father, is seeking a declaration that the Administration of Islamic Law (Federal Territories) Act 1993 gives jurisdiction to the Registrar of Converts to declare a person no longer a Muslim.

She is also seeking the registrar to consider cancelling her name from the Register of Converts immediately and also seeking a declaration that the refusal or delay by the registrar in making the decision as requested in her letters, dated Jan 30, Feb 20 and March 17, 2023, was irrational and unreasonable.

In her supporting affidavit, the woman said that in early 2017, she met a Malay Muslim man

who then proposed marriage and, to facilitate the marriage, she converted to Islam on Aug 18, 2017 and was registered as a convert by the Federal Territory Registrar of Converts.

However, on Jan 27 last year, the woman in an affidavit pledged that she wanted to leave Islam and return to Christianity.

Following that, the woman through her lawyer sent letters dated Jan 30, Feb 20 and March 17 this year to the Registrar of Converts, requesting that her name be cancelled from the Register of Converts.

She claimed that until she filed the leave application, there was no response from the Registrar of Converts. — Bernama



TAJUK : SENIOR CITIZEN PLEADS GUILTY TO COMMITTING AFFRAY, FINED RM600

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 22 SEPT 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Senior citizen pleads guilty to committing affray, fined RM600

KUCHING: A senior citizen was fined RM600 in default two weeks in jail after he pleaded guilty in a magistrates' court here yesterday to committing affray two years ago.

Lee Boo Hiang, 63, from Siburan was charged under Section 160 of the Penal Code which provides for imprisonment of up to six months or a fine not exceeding RM1,000, or both.

He committed the offence in front of a vehicle service shop near Taman Duranda Emas at around 2.30pm on July 19, 2021.

Based on the facts of the case, Lee had confronted one Chang Foot Kong over a viral video in which the latter had made allegations and accusations


against a state assemblyman regarding a donation of RM300,000 from the then federal government and not the state government.

During their encounter, Lee and Chang provoked each other and a scuffle soon broke out during which Lee grabbed a piece of wood and struck Chang on the right shoulder.

ASP Hisyam Junaidi prosecuted the case before magistrate Mason Jaro Lenya Barayan, while Lee was unrepresented by legal counsel.

Chang, meanwhile, claimed trial in the same court yesterday to the same charge of committing affray.

The court set Oct 4 for case management.



TAJUK : DAD AND STEPMUM JAILED FOR ABUSING SIX-YEAR-OLD

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 22 SEPT 2023

M/SURAT : 13

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Dad and stepmum jailed for abusing six-year-old

By **SARBAN SINGH**
sarbans@thestar.com.my

KUALA PILAH: A couple has been sentenced to two years' jail by the Sessions Court here after pleading guilty to abusing a six-year-old boy.

Muhammad Aizat Zolkepli, 27, and his wife Siti Norshakina Mohd Noor, 31, must also serve a good behaviour bond of two years after their jail term.

Sessions judge Norma Ismail also ordered them to serve 80 hours of community service each.

Muhammad Aizat, who worked at a sawmill in Bahau, is the boy's father while Siti Norshakina is the stepmother.

They were charged with committing the offence between March and Sept 12 this year at their home in Rumah Rakyat Jambu Lapan in Bahau.

They were charged under Section 31 (1)(a) of the Child Act 2001 read together with Section 34 of the Penal Code, which carries a fine of up to RM50,000 or jail of up to 20 years or both, upon conviction.

The couple, who were unrepresented, told the court they were remorseful for what they did and begged for a light sentence.

Muhammad Aizat also admitted that he had failed to be a good father while his wife said their three other young children needed her. The three other children, who are the victim's half-siblings, were not harmed.


Deputy public prosecutor Peh Fong Xi urged the court to impose a sentence that would be a deterrent to others.

"This is a serious offence and the court needs to mete out a heavy punishment to send the message across to others.

"The victim, who is only six years old, had suffered injuries all over his body," she said.

She said the victim who was unable to protect himself had no other choice but to run away from home due to the constant abuse.

Police detained the couple on Sept 12 and remanded them for seven days.



TAJUK :	16 BAYI ANTARA MANGSA BANJIR DI PPS DEWAN MASYARAKAT MEDAMIT		
HARI :	JUMAAT	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	22 SEPT 2023	M/SURAT :	02
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

16 bayi antara 178 mangsa banjir di PPS Dewan Masyarakat Medamit

LIMBANG: Seramai 16 bayi antara 178 mangsa banjir yang ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di Dewan Masyarakat Medamit yang dibuka pada petang kelmarin.

Pegawai Pertahanan Awam Daerah Limbang Leftenan(PA) Mirwan Shah Masri, dalam satu kenyataan semalam berkata, PPS


itu dibuka pada jam 4.30 petang kelmarin dengan menempatkan 178 mangsa terdiri daripada 61 keluarga.

“Seramai 178 mangsa, termasuk 16 bayi, 41 kanak-kanak, 107 orang dewasa, 13 warga emas dan seorang kelainan upaya (OKU) ditempatkan di PPS berkenaan,” katanya.

Jelas Mirwan PPS dalam keadaan terkawal dan selamat.

PPS itu dibuka ekoran situasi banjir berlaku susulan hujan berterusan sejak tiga hari lepas, jelasnya.

Manakala berdasarkan laman sesawang iHydro pagi semalan, paras air Stesen Ukong berstatus merah dan berada di tahap bahaya.



TAJUK :	ISTERI MAUT, SUAMI PARAH DALAM NAHAS MOTOSIKAL DAN KERETA		
HARI :	JUMAAT	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	22 SEPT 2023	M/SURAT :	01
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Isteri maut, suami parah dalam nahas motosikal dan kereta

SERIAN: Seorang wanita maut dalam kemalangan jalan raya membabitkan sebuah kereta dan motosikal di Kilometer 63 Jalan Kuching-Sri Aman di sini, semalam.

Ketua Polis Daerah Serian DSP Aswandy Anis berkata, kemalangan dilaporkan berlaku sekitar jam 6.45 pagi.

Menurutnya, mangsa, 58, semasa kejadian membonceng motosikal yang ditunggangi suaminya.

"Siasatan awal mendapati motosikal ditunggangi pasangan suami isteri terbabit dipercayai secara tiba-tiba menukar lorong dari kiri ke kanan.

"Akibat jarak yang dekat menyebabkan motosikal itu dilanggar oleh kereta," ujarnya menerusi satu kenyataan, semalam.

Susulan itu katanya, penunggang motosikal terbabit



TRAGIK: Keadaan di lokasi kemalangan maut di Kilometer 63 Jalan Kuching-Sri Aman, semalam.


mengalami kecederaan di kepala serta tangan.

"Manakala, pembonceng motosikal mengalami kecederaan parah di tengkuk serta tangan dan disahkan meninggal dunia oleh pasukan perubatan," katanya.

Kedua-dua mangsa telah

dibawa ke Hospital Serian untuk rawatan dan juga bedah siasat, tambahnya.

Pemandu kereta terbabit tidak mengalami sebarang kecederaan dan siasatan lanjut kes dijalankan di bawah Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.



TAJUK :	PUSAT PERLINDUNGAN TRANSIT DIWUJUDKAN DI SARAWAK TAHUN DEPAN, KATA FATIMAH		
HARI :	JUMAAT	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	22 SEPT 2023	M/SURAT :	03
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Pusat perlindungan transit diwujudkan di Sarawak tahun depan, kata Fatimah

KUCHING: Sebuah pusat perlindungan transit akan diwujudkan di negeri ini tahun depan bagi menempatkan pesakit yang pulih selepas mendapat rawatan di pusat pemulihan dan penjagaan kesihatan mental.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, ia antara usaha kerajaan Sarawak membanteras isu-isu penyalahgunaan dadah dan substans di negeri ini.

Menurutnya, sehingga 2022, terdapat hanya 20 pusat sehati bagi penagihan (OSCA) di klinik-klinik kerajaan di bawah Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak melibatkan 12 bahagian di Sarawak, selain dua pusat pemulihan, pembangunan dan intervensi komuniti di bawah Jawatankuasa Sehati (OSC).

Selain itu katanya kementeriannya mewujudkan Pusat Sokongan Sosial Komuniti di Kuching yang berfungsi sebagai pusat transformasi

sosial, menyediakan intervensi dan rujukan bagi kumpulan yang terjejas akibat isu sosial, termasuk penyalahgunaan substans, tambahnya.

“Bagi membolehkan penglibatan bersepadu merentasi agensi dan pertubuhan bukan kerajaan, instrumen penguasaan kes isu sosial bersepadu seragam sedang digunakan,” katanya ketika menyampaikan ucapan aluan pada majlis Malam Gala Anugerah Phoenix di sini, malam kelmarin.

Majlis itu dirasmikan Timbalan Premier Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan dan diadakan sempena Simposium Pemulihan Antarabangsa (IRS) 2023.

Untuk rekod, Fatimah berkata bermula tahun ini, kementeriannya mula memberi sokongan kepada pemulihan komuniti menerusi pemberian geran pemerkasaan keluarga berpendapatan rendah (LIFE) bagi latihan kemahiran atau meningkatkan kemahiran selain bantuan untuk aktiviti-

aktiviti yang dapat menjana pendapatan.

Menurutnya, tindakan kolektif melalui OSC bagi Menangani Isu Dadah dan Substans (MIDS) di landasan yang betul dalam Pengurangan Permintaan terhadap Dadah (DDR).

Hasilnya menyaksikan Sarawak merekod peratusan terendah kes berulang di Malaysia iaitu 0.88 peratus dan kadar pemerjaraan ialah 95 banduan bagi setiap 100,000 penduduk berdasarkan statistik tahun 2022 dikeluarkan Jabatan Penjara Malaysia, katanya.

“Dengan akses yang lebih luas kepada rawatan dan penjagaan pemulihan dalam komuniti, nisbah mendapatkan bantuan dalam kalangan kumpulan yang terjejas akibat penyalahgunaan substans bertambah baik iaitu dari 1:10 pada 2018 kepada 1:6 pada Julai 2022.


“Ini satu pencapaian yang luar biasa untuk OSC meraikannya kerana nisbah ini lebih baik daripada purata antarabangsa

yang dilaporkan oleh Pejabat Dadah dan Jenayah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNODC),” katanya.

Mengenai IRS 2023, Fatimah berkata simposium julung kali diadakan itu menandakan satu lagi kejayaan kementerian menangani isu dadah dan substans di Sarawak.

“Seramai 986 peserta menghadiri simposium dari 22 negara dari seluruh dunia termasuk Albania, Bangladesh, Brunei, India, Indonesia, Itali, Jordan, Kenya, Malaysia, Maldives, New Zealand, Nigeria, Pakistan, Filipina, Arab Saudi, Singapura, Sri Lanka, Sudan, Taiwan, Thailand, United Kingdom dan Amerika Syarikat.

“Sememangnya, kita mendapat inspirasi, bermotivasi dan komited menangani Pencegahan, Rawatan dan DDR kerana mengetahui kita mempunyai rakan dari 22 negara di seluruh dunia, yang sama-sama komited menangani isu ini,” katanya.



TAJUK :	SUAMI ISTERI ANIAYA KANAK-KANAK DIPENJARA DUA TAHUN		
HARI :	JUMAAT	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	22 SEPT 2023	M/SURAT :	13
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Suami isteri aniaya kanak-kanak dipenjara dua tahun

KUALA PILAH: Sepasang suami isteri dijatuhi hukuman penjara dua tahun selepas mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini atas pertuduhan menganiaya seorang kanak-kanak lelaki berusia enam tahun antara Mac tahun ini hingga 12 September lalu.

Hakim Norma Ismail turut memerintahkan bapa kandung kanak-kanak itu yang berumur 27 tahun dan ibu tiri kanak-kanak itu, 31, masing-masing dikenakan bon kelakuan baik selama dua tahun dan melakukan kerja khidmat masyarakat selama 80 jam.

Mengikut pertuduhan, kedua-dua mereka didakwa telah menganiaya kanak-kanak itu sehingga mengalami kecederaan fizikal antara Mac ini sehingga 12 September lalu di sebuah rumah di Bahau, Jempol.

Mereka dituduh mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) dan dibacakan bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman denda maksimum RM50,000 atau penjara tidak lebih 20 tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.


Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Peh Fong Xi manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Sebelum itu, Peh memohon mahkamah mengenakan hukuman berat kepada pasangan tersebut kerana sebagai ibu bapa, mereka seharusnya menjaga anak bukan mendera kanak-kanak yang tidak mampu mempertahankan diri.

“Kes ini serius, hukuman berat kepada tertuduh perlu diberikan atas faktor kecederaan di seluruh badan kanak-kanak itu. Hukuman yang berat juga dapat memberikan amaran kepada orang awam,” katanya.

Pasangan itu memohon mahkamah mengenakan hukuman ringan kerana memiliki tiga anak yang masih kecil.

“Saya harap hakim ringankan hukuman. Saya masih ada tiga orang anak yang masih kecil... saya minta maaf, saya tahu memang saya betul-betul bersalah (sepatutnya) menjadi seorang suami dan ayah yang terbaik untuk keluarga saya,” kata bapa kanak-kanak itu. — Bernama



TAJUK : WANITA SARAWAK GAGAL DAPAT KEBENARAN MAHKAMAH UNTUK BATAL NAMA MUALAF

HARI : JUMAAT

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 22 SEPT 2023

M/SURAT : 02

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Wanita Sarawak gagal dapat kebenaran mahkamah untuk batal nama mualaf

KUALALUMPUR: Seorang wanita dari Sarawak semalam gagal mendapatkan kebenaran Mahkamah Tinggi di sini bagi memulakan semakan kehakiman untuk meminta Pendaftar Mualaf Wilayah Persekutuan membatalkan namanya daripada Daftar Mualaf.

Peguam Persekutuan Mohammad Sallehuddin Md Ali berkata, ini kerana Hakim Datuk Ahmad Kamal Md Shahid membenarkan bantahan awal Jabatan Peguam Negara (AGC) terhadap permohonan yang difailkan wanita berusia 26 tahun itu.

“Mahkamah menolak permohonan pemohon (wanita berkenaan) atas alasan antaranya permohonan tersebut tidak tertakluk kepada semakan kehakiman berdasarkan Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan.

“Hanya Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar permohonan tersebut. Permohonan pemohon ditolak dengan kos RM3,000,” kata Mohammad Sallehuddin ketika dihubungi selepas prosiding kes secara dalam talian semalam.

Prosiding itu turut disertai peguam Iqbal Harith Liang, yang mewakili wanita berkenaan.

Wanita itu memfailkan permohonan semakan kehakiman pada 20 April lalu dengan menamakan Pendaftar Mualaf Wilayah Persekutuan, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kerajaan Malaysia sebagai responden.

Pemohon yang dilahirkan pada 9 Julai 1997 dan ibu serta bapanya beragama Kristian, memohon pengisytiharan bahawa Akta Pentadbiran Undang-Undang

Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505) memberikan bidang kuasa kepada responden pertama (Pendaftar Mualaf) untuk mengisytiharkan bahawa seseorang itu bukan lagi beragama Islam.

Wanita itu juga memohon responden pertama mempertimbangkan permohonan supaya namanya dibatalkan daripada Daftar Mualaf dan membuat keputusan sertamerta serta memohon pengisytiharan bahawa penolakan atau kelewatan responden pertama memutuskan permohonan pemohon dalam surat bertarikh 30 Januari, 20 Februari dan 17 Mac 2023 adalah tidak rasional dan tidak munasabah.

Dalam afidavit sokongannya, wanita itu berkata pada awal 2017, pemohon bertemu seorang lelaki Melayu beraga-

ma Islam yang mempelawanya untuk berkahwin dan bagi membolehkan perkahwinan mereka dari sudut pentadbiran, beliau memeluk agama Islam pada 18 Ogos 2017 dan didaftarkan sebagai mualaf oleh responden pertama.

Bagaimanapun, pada 27 Januari tahun lalu, pemohon telah berikrar dalam afidavit bahawa beliau mahu keluar daripada agama Islam dan kembali menganut Kristian.

Pada 30 Januari, 20 Februari dan 17 Mac 2023, pemohon melalui peguamnya telah mengeluarkan surat kepada responden pertama untuk memohon namanya dibatalkan daripada Daftar Mualaf dan pada tarikh pemfailan permohonan itu, responden pertama belum memberikan sebarang keputusan berhubung permohonannya. — Bernama



TAJUK :	WARGA EMAS CEDERA DALAM INSIDEN LANGGAR LARI DI MIRI		
HARI :	JUMAAT	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	22 SEPT 2023	M/SURAT :	02
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Warga emas cedera dalam insiden langgar lari di Miri

MIRI: Seorang pejalan kaki warga emas mengalami kecederaan di beberapa bahagian badan setelah disyaki dilanggar lari sebuah kenderaan yang belum dikenal pasti.

Ketua Polis Daerah Miri ACP Alexson Naga Chabu berkata, kejadian terbabit melibatkan mangsa lelaki berusia 60 tahun yang berlalu di Jalan Desa Senadin 1, di sini pada Selasa lalu, kira-kira jam 7.08 malam.

“Hasil siasatan mendapati mangsa ditemui terbaring di tengah jalan di Desa Senadin 1 oleh orang awam yang melalui jalan tersebut.

“Mangsa disyaki telah dilanggar oleh kenderaan yang tidak dikenali.

“Selepas itu kenderaan tersebut terus bergerak pergi

tanpa membantu mangsa yang terbaring di tengah jalan,” katanya dalam kenyataan media di sini.

Alexson berkata, impak pelanggaran itu mangsa mengalami kecederaan di beberapa bahagian badan dan kini mendapat rawatan di Hospital Umum Miri.

“Susulan kejadian ini, pihak polis menyeru orang ramai yang mempunyai maklumat berkenaan kes ini untuk tampil ke Balai Polis Trafik atau menghubungi pegawai penyiasat di talian 085-430479 bagi membantu siasatan.

“Berdasarkan laporan polis tersebut, satu kertas siasatan dibuka dan disiasat di bawah Seksyen 43(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987,” ujarnya.